

Tindakan 'orang muda berdarah panas': PM

KUALA LUMPUR. Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan permintaan beberapa Pergerakan Pemuda Umno kepada kerajaan supaya menurunkan tugu peringatan bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, di perkarangan Parlimen sebagai tindakan 'orang muda berdarah panas'.

Katanya, sebagai Perdana Menteri beliau tidak mahu memberi apa-apa ulasan mengenai tindakan Pergerakan Pemuda Umno.

"Itu reaksi merdeka. Barangkali ketika mereka membuat pendirian sedemikian, mereka dalam keadaan marah.

"Masa marah, macam-macam dia kata. Orang muda darah panas. Dulu saya pun macam tu, sekarang sejuk dah," katanya kepada pemberita di sini, hari ini ketika diminta mengulas perkara itu.

Dua belas bahagian Pemuda Umno di Perak mendesak supaya patung wajah Tunku diro-

bohkan kerana menganggap beliau menghina kerajaan.

Tindakan itu adalah reaksi kepada ucapan Tunku Abdul Rahman di perhimpunan agung pertama parti Semangat 46 supaya Umno sekarang dihapuskan.

Sementara itu, di Pendang, Kedah, Pemuda Umno bahagian itu meminta kerajaan menarik balik segala keistimewaan yang diberikan kepada Tunku Abdul Rahman.

Ketua Pemuda bahagian itu, Encik Ali Haji Awang, berkata penarikan balik itu bertujuan memberi kesedaran kepadanya bahawa ganjaran yang sedang dinikmati adalah pemberian kerajaan yang diperintah oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Tunku tidak seharusnya mengeluarkan kenyataan yang boleh mengelirukan rakyat kerana diperalatkan oleh golongan tertentu yang

menentang pemerintahan negara.

"Golongan Semangat 46 yang sama-sama diperjuangkan oleh Tunku adalah pengkhianat bangsa dan negara," katanya.

Baru-baru ini, Tunku Abdul Rahman mahu ahli Semangat 46 menghapuskan kepemimpinan kerajaan sekarang, termasuk menyingkirkan Datuk Seri Dr Mahathir.

Menurutnya, lagi lama Perdana Menteri memerintah negara ini, semakin kucar-kacir negara dan menimbulkan suasana yang lebih dahsyat.

Encik Ali berkata, Semangat 46 yang sedang menghidupkan semula Umno yang hancur adalah satu muslihat yang digunakan oleh golongan yang kecewa.

Sehubungan itu, katanya Pemuda bahagian itu akan mempertahankan kepemimpinan negara ini dan akan menghalang setiap langkah yang dijalankan oleh Semangat 46.